



# KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	10/5/2019	MUKA SURAT	: 13
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

## Lima dicari

■ Perhilitan minta semua lelaki bergambar bersama bangkai harimau tampil bantu siasatan



**BANGKAI** harimau bintang dipikul lelaki dengan dikelilingi empat yang lain di sebuah ladang pertanian di Kampung Kemuning, Alor Gajah.

**Mohd Hilmie Hussin**  
mohdhilmie@hmetro.com.my

### Melaka

Jabatan Perhilitan Melaka memburu semua individu dalam gambar bersama bangkai harimau dahan atau nama saintifiknya *Neofelis Nebulosa* di sebuah ladang pertanian di Kampung Kemuning, Alor Gajah di sini, kelmarin.

Pengarahnya, Mohd Hasdi Husin berkata, semua individu dalam gambar yang menjadi tular di laman sosial itu diminta tampil bagi membantu siasatan kerana haiwan itu adalah dilindungi.

"Kami membuka kertas siasatan berdasarkan gambar yang menjadi tular, bukannya aduan mana-mana pihak.

"Kami membuat laporan polis dan pegawai penyiasat Jabatan Perhilitan negeri ke lokasi dan mengambil bangkai harimau itu yang ditanam," katanya.

Beliau berkata, semua individu yang memegang dan memikul haiwan terbabit diminta tampil memberi keterangan sebelum pihaknya membuat tangkapan.

Katanya, kes itu disiasat mengikut Seksyen 68(2)(c) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) yang jika sabit kesalahan menyimpan haiwan itu boleh didenda sekurang-kurangnya RM100,000 hingga RM500,000 dan penjara li-

**FAKTA**  
Kertas siasatan dibuka berdasarkan gambar jadi tular



**LELAKI** ini pula mengangkat harimau bintang sambil ketawa.



**DUA** lelaki berfoto di sisi bangkai harimau.

ma tahun.

Sementara itu, difahamkan Pegawai Jabatan Perhilitan Melaka menggali semula bangkai harimau dahan yang ditanam jam 8 malam semalam sebelum menjalankan siasatan dan mencari lima individu yang berada dalam gambar.

Berdasarkan gambar yang

tular di Facebook N9 Radar, beberapa individu bergambar dengan harimau dahan terbabit yang dipercayai sudah mati.

Netizen yang melihat gambar terbabit memberi pelbagai komen termasuk menggesa pihak berwajib mengambil tindakan ke atas pelakunya.